



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(*UTMSPACE*)

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

SOALAN-SOALAN LAZIM PELAJAR KANAN

1. Adakah pendaftaran yang melebihi 10 kredit bagi satu semester dibenarkan?

Pelajar hanya dibenarkan mendaftar 10 kredit sahaja. Jika pelajar ingin mendaftar lebih dari 10 kredit, pelajar mestilah mengemukakan surat permohonan kepada Ketua Jabatan (Program Luar) bagi kelulusan dan pengesahan.

2. Apakah prosedur untuk memohon penawaran kursus bagi program Arus Perdana ke Program Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE* jika kursus tidak ditawarkan?

Pelajar dikehendaki merujuk kepada Ketua Jabatan (Program Luar) bagi mengeluarkan surat pengesahan untuk penawaran kursus tersebut dan dipanjangkan kepada pihak *UTMSPACE* untuk ditawarkan.

3. Mengapakah di bahagian seksyen semasa pendaftaran kursus secara online tidak boleh diklik?

Ini kerana kapasiti penawaran kursus tidak di masukkan di panel penawaran kursus atau kapasiti telah penuh. Pelajar diminta menunggu sehingga ruangan seksyen ada mengeluarkan data.

4. Apakah fungsi seksyen bagi setiap kursus yang didaftarkan secara online?

Seksyen merupakan jumlah kelas yang dibuka bagi setiap semester untuk mengagihkan jumlah pelajar mengikut kursus dan kapasiti yang ditetapkan.

5. Bagaimanakah cara dan tempoh untuk pelajar memohon pengecualian kredit?

Pelajar perlu mengisi borang pengecualian kredit beserta salinan transkrip penuh yang telah disahkan dan dihantar ke pejabat *UTMSPACE* selewat-lewatnya hari ahad minggu ke-5 kuliah.

6. Bagaimana pelajar boleh mengetahui status permohonan pengecualian kredit?

Pelajar boleh menyemak status permohonan melalui sistem maklumat pelajar.